

Peraduan Berani Cuba MAGGI PEDAS GILER

TERMA DAN SYARAT

Jadual Syarat Kemasukan

a. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H].
b. <u>Peraduan:</u>	PERADUAN BERANI CUBA MAGGI PEDAS GILER
c. <u>Tempoh Peraduan:</u>	Peraduan ini bermula pada "00:00:0000" 01/10/2020 dan tamat pada "23:59:59" 31/10/2020.
d. <u>Kelayakan:</u>	Peraduan ini terbuka untuk semua warganegara Malaysia yang sah berumur 18 tahun ke atas bermulanya dari tempoh Peraduan.
e. <u>Tidak Layak:</u>	<p>Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan /atau b. Wakil, kakitangan, pekerja dan / atau ejen pembekal khidmat pengiklanan, syarikat penaja hadiah-hadiah dan / atau Peraduan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].
f. <u>Penyertaan:</u>	<p>Untuk menyertai Peraduan ini, para peserta diminta untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Lawati Restoran MAMAK yang mengambil bahagian di mana MAGGI PEDAS GILER disajikan. Senarai Restoran MAMAK yang mengambil bahagian boleh layari di https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/peraduan-berani-cuba b. Sila buat pesanan sepinggan mi MAGGI PEDAS GILER Ayam Bakar atau Tomm Yumz dari Restoran MAMAK yang mengambil bahagian c. Sila ambil swafoto diri anda dengan menikmati mi MAGGI PEDAS GILER d. Buat kapsyen pengalaman anda dengan mi MAGGI PEDAS GILER e. Muat naik di akaun Facebook atau Instagram anda f. Sila tujukan kepada @Maggi.Malaysia dengan hashtag #RAJAMAGGIPEDASGILER dan tetapkan akaun anda kepada umum sepanjang tempoh Peraduan g. Tag 3 rakan anda
g. <u>Tempoh Kelayakan Peraduan:</u>	Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur selewat-lewatnya jam 23:59:59 pada 31/10/2020. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.

<p>h. <u>Hadiah:</u></p>	<p>Sebanyak 11 Hadiah akan ditawarkan oleh Penganjur bagi Peraduan ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>HADIAH UTAMA x 01</u> RM3000.00 Tunai • <u>TEMPAT KE-2 x 01</u> RM2000.00 Tunai • <u>TEMPAT KE-3 x 01</u> RM1000.00 Tunai • <u>HADIAH SAGUHATI x 7</u> RM500.00 Tunai
<p>i. <u>Penentuan Pemenang:</u></p>	<p><u>HADIAH UTAMA, TEMPAT KE-2 & TEMPAT KE-3</u> Pemenang untuk Tiga (03) hadiah teratas akan dipilih berdasarkan pada kriteria dan penilaian markah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kualiti gambar – Kejelasan*, Ekspresi* dan Komposisi* – 30 markah b. Kapsyen disertakan – Kreativiti dan Berasaskan Makanan – 20 markah c. Cara makan mi MAGGI PEDAS GILER dipamerkan dan swafoto yang diambil – 10 markah <p>*Kejelasan foto adalah kualiti resolusi dan ketajaman elemen penting dalam swafoto *Ekspresi merujuk kepada emosi yang diluahkan pada wajah peserta ketika mereka menikmati MAGGI PEDAS GILER *Komposisi adalah struktur swafoto, sudut yang dipilih oleh peserta serta penggunaan kedudukan pelbagai sorotan dalam swafoto dan bagaimana ia saling melengkapi</p> <p><u>HADIAH SAGUHATI x 7</u> Pemenang Hadiah Saguhati akan dipilih dari penyertaan yang disenarai pendek oleh Penganjur setelah pemilihan Tiga (03) pemenang Hadiah teratas berdasarkan kriteria penilaian yang sama di atas.</p>
<p>j. <u>Additional Terms:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> a. Senarai pemenang akan diumumkan setiap hari dengan kaedah berikut selepas tempoh peraduan; <ul style="list-style-type: none"> • Nestle Professional website (www.nestleprofessional.com.my) • MAGGI@ Malaysia Facebook • MAGGI@ Malaysia Instagram • Dear Nestle website (www.dearnestle.com.my) b. Pemenang diminta untuk memberikan butir-butir peribadi dan maklumat akaun bank mereka melalui saluran berikut; <ul style="list-style-type: none"> • Webform: https://www.nestle.com.my/contactus.

	<ul style="list-style-type: none"> • Call us: 1-800-88-3433 <p>c. Sekiranya pemenang yang terpilih gagal menjawab dalam tempoh 48 jam dari pengumuman, penyertaan seterusnya dengan markah tertinggi akan dipilih.</p> <p>d. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang terpilih tidak memberikan sebarang maklum balas dengan apa jua sebarang alasan.</p> <p>e. Semua hadiah wang tunai akan dipindahkan melalui perbankan dalam talian kepada pemenang dalam masa 10 hari bekerja dari tempoh pengesahan ke butiran akan bank yang diberikan oleh pemenang. Salinan transaksi akan dihantar kembali kepada pemenang sebagai pemberitahuan mengenai transaksi ini.</p> <p>f. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak menerima hadiah yang tertangguh dan lewat.</p>
--	---

Jadual Kemasukan hendaklah dibaca bersama Syarat Kemasukan yang boleh didapati di [<https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/peraduan-berani-cuba>] , secara kolektif "Terma dan Syarat" dan akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selanjutnya ini dirujuk sebagai "Peserta-peserta", "Peserta", "Anda", "anda").

Dengan menyertai Promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat dan pemprosesan maklumat peribadi anda yang terdapat dalam Privasi Polisi.

Hubungi Perkhidmatan Pengguna : 1800 88 3433

Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

1.1 Syarat Kemasukan ini hendaklah dibaca bersama dengan Jadual Kemasukan. Jika ada

ketidakselarasan antara Syarat Kemasukan dan Jadual Kemasukan, maka Jadual Kemasukan akan diguna pakai. Syarat Kemasukan dan Jadual Kemasukan secara kolektif dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap istilah yang tidak dinyatakan sebaliknya di sini hendaklah mempunyai maksud seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kemasukan. Istilah yang ditetapkan akan digunakan secara tunggal atau majmuk seperti mana yang berkenaan.

1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa notis terlebih dahulu, dan tanpa apa-apa tanggungan kepada mana-mana orang, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dalam keseluruhannya atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat perubahan pada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan mereka yang berterusan dalam Kempen ini akan menjadi penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (seperti yang telah diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen termasuk penghakiman dan pemilihan pemenang adalah muktamad dan tiada surat-menyerat atau rayuan akan dilayan selepas itu.

2. Syarat-syarat penyertaan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Kempen, Peserta disifatkan telah memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Kempen, termasuk tanpa batasan, telekomunikasi, rangkaian, Perkhidmatan Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain dan belanja luar yang mungkin ditanggung oleh Peserta semasa atau berkaitan dengan Kempen akan ditanggung oleh Peserta sepenuhnya.
- 2.3 Bukti penyerahan bukanlah bukti penerimaan dan Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kelewatan, hilang, rosak dan/atau tidak menerima penyerahan. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telefon, laman web, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, peranti, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu-lintas di internet atau perkhidmatan telekomunikasi.

3. Kelayakan

- 3.1 Berkenaan dengan umur kelayakan iaitu lapan belas tahun (18) yang ditetapkan dalam Jadual Syarat Kemasukan, golongan bawah umur 18 tahun mesti mendapat persetujuan bertulis ibu bapa/penjaga sah sebelum memberikan maklumat peribadi dan menyertai peraduan ini.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan persetujuan bertulis ibu bapa/penjaga sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak Layak

Kumpulan berikut tidak layak menyertai kempen:

- (a) Kakitangan Penganjur dan kumpulan syarikat dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka); dan
- (b) Pekerja agensi Penganjur yang berkaitan dengan Kempen dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka).

5. Hilang kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan hilang kelayakan:
- (a) penyertaan tidak jelas, tidak lengkap, salinan tidak dapat dibaca atau tidak betul; dan/atau

- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkenaan.
- 5.2 Di samping itu, Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) telah atau cuba untuk melemahkan operasi Kempen melalui penipuan dan/atau
 - (b) tidak layak atau tidak dapat memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen untuk pengesahan oleh Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya berlaku kehilangan kelayakan selepas Hadiah telah dianugerahkan, pihak Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau pembayaran nilai yang sama dgn nilai hadiah daripada Peserta yang tidak layak.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal menerima Hadiah mengikut Tarikh Tuntutan / Penyerahan Hadiah dalam apa jua keadaan. Penganjur berhak untuk memutuskan berkenaan Hadiah yang tidak ditebus.
- 6.2 Hadiah tidak boleh dipindahkan, ditukarkan atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk atau cara lain selain yang dinyatakan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Kemasukan berhubung dengan Hadiah adalah menjadi tanggungjawab Peserta.
- 6.4 Semua Hadiah perlu diambil mengikut terma dan syarat Penganjur, ejen, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- (a) Tiket ke Acara:
Penganjur tidak bertanggungjawab untuk sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang mungkin menghalang pemenuhan Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan dalam tiket
 - (b) Perjalanan / Hadiah Percutian:
Jika perjalanan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan semasa membuat tempahan. Hadiah mesti diambil mengikut tarikh dan destinasi yang ditentukan oleh Penganjur, ejen atau penaja. Wang perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport sah, visa, pengangkutan ke & dari tempat berlepas tambahan pemindahan, insurans & semua kos sampingan lain yang dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Kemasukan adalah tanggungjawab Pemenang.
- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "sebagaimana ia". Hadiah itu akan digunakan/diambil sepenuhnya pada risiko Peserta dan Penganjur mengecualikan sebarang waranti dan liabiliti yang berkaitan dengan Hadiah sehingga setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 6.6 Hadiah mesti dituntut secara sendiri kecuali Penganjur menetapkan mod tuntutan lain.
- 6.7 Jika Peserta itu di bawah umur lapan belas tahun (18) dan diisytiharkan sebagai Pemenang, Peserta itu mesti disertai oleh ibubapa/penjaga sah semasa penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tanpa batasan, foto, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif "Bahan"), dan nama Peserta, dan/atau yang sama, untuk pengiklanan, publisiti dan promosi apa-apa barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk masa yang tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan semua perkara yang perlu untuk memberi kesan kepada perkara ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Harta Intelekt

Peserta bersetuju bahawa semua hak harta intelek dalam apa-apa kandungan dan/atau bahan-bahan yang dikemukakan, dibuat atau diwujudkan oleh Peserta berkaitan dengan Kempen dan apa-apa karya derivatif yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat terletak hak, ditugaskan dan dimiliki oleh Penganjur. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menggunakan dan mengubahsuai bahan atau kerja sedemikian dengan cara yang difikirkannya sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui semua hak yang terhadap bahan atau kerja tersebut.

9. Pampasan

Setiap Peserta bersetuju untuk menanggung rugi, melepaskan dan memelihara Penganjur, syarikat induk, anak syarikat atau syarikat berkaitan yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), pengarah, pegawai, pekerja, ejen, penaja dan/atau wakil terhadap mana-mana dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan ganti rugi (termasuk ganti rugi khas, tidak langsung dan berbangkit) yang timbul daripada atau berlaku akibat penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan Peserta kemasukan dan/atau kesamaan berkaitan dengan Kempen atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Batasan Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Kempen adalah diatas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, pekerja, agen, penaja dan/atau wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap Peserta untuk kehilangan atau kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada ganti rugi tidak langsung atau berbangkit, atau kecederaan individu yang ditanggung atau dialami oleh Peserta berikutan penglibatan Peserta dalam Kempen, termasuk penebusan dan/atau penggunaan Hadiah yang dimenangi.

11. Umum

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak bertanggungjawab untuk melakukan apa-apa kewajipan berkenaan dengan Kempen dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian akibat keadaan di luar kawalan dan tidak akan bertanggungjawab untuk memberi ganti rugi kepada Peserta dalam apa jua cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Mana-mana nama, tanda dagangan atau logo yang digunakan dan atau diterbitkan semula dalam apa-apa bahan (termasuk bahan pemasaran dan promosi) berkaitan dengan Kempen ini, khususnya yang berkaitan dengan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen dan Penganjur adalah tidak mempunyai afiliasi, sokongan atau tajaan, dengan mana-mana pemilik, kecuali

sekiranya dimaklumkan, dan pemilik-pemilik bukan sebahagian daripada kumpulan syarikat Penganjur.

- 11.3 Peserta tidak berhak menyerahkan mana-mana hak atau sub-kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Pihak Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesen keseluruhan atau mana-mana bahagian haknya di bawah ini kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahihan, ketidaksahan atau kegagalan kuatkuasa apa-apa istilah di bawah ini tidak akan menjejaskan keseluruhan Terma dan Syarat Kempen.
- 11.5 Terma dan Syarat untuk Kempen ini turut disediakan dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah ditafsirkan, ditadbir dan diterjemahkan mengikut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai PERADUAN Berani Cuba MAGGI® PEDAS GILER ("Peraduan"), anda telah bersetuju untuk Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia") dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak-Pihak Ketiga Lantikan") (secara kolektif "Penganjur" atau "kami") memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan Peraduan bagi tujuan Peraduan. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, video, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- 12.2 Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Peraduan mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
- 12.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
- 12.4 Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
- 12.5 Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi

anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.

- 12.6 Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
- 12.7 Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:

- Hubungi : Pegawai Perlindungan Data Peribadi.
- Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Atau

- Borang Web: <https://www.nestle.com.my/contactus>.

Atau

- Hubungi kami: 1-800-88-3433.

- 12.8 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam Peraduan dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
- 12.9 Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.